

Persisi rancang terbit buku ke-2

Usaha pertama hampir 50 peratus siap ³ 112

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) berura-ura untuk menerbitkan sebuah lagi buku mengenai seni silat yang dijangka siap pada tahun 1990.

Ini adalah buku kedua yang sedang dirancang oleh badan tersebut. **-7 AUG 1987**

Buku yang pertama dijangka dilancarkan menjelang Hari Kebangsaan tahun depan.

Menurut Encik Johari Uriff, Setiausaha Agung Persisi, antara kandungan buku yang kedua ini ialah perbincangan yang lebih terperinci mengenai perkara-perkara yang diutarakan dalam buku pertamanya.

Penerangan mengenai sejarah awal jenis-jenis silat juga akan dimuatkan di dalam buku kedua itu.

"Kami merasakan bahawa ini adalah perlu agar generasi akan datang bukan saja tahu tentang sesuatu silat, tetapi juga tentang asal-usulnya," ujar beliau.

Encik Johari juga berkata bahawa Jabatan Buku Silat Persisi yang mengandungi empat orang anggota, termasuk beliau sendiri, masih dalam proses mengumpul dan memilih gambar-gambar yang bakal digunakan dalam buku pertama itu, sedang penulisannya telah "hampir siap 50 peratus".

“Kami merasakan bahawa ini adalah perlu agar generasi akan datang bukan saja tahu tentang sesuatu silat, tetapi juga tentang falsafah umum seni mempertahankan diri sejagat...dan hal-hal yang berhubung dengan gelanggang serta peralatannya.”

— Encik Johari Uriff

Buku pertama ini dijangka mempunyai kira-kira 200 muka-surat. **-7 AUG 1987**

Projek ini telah berjalan dengan agak perlahan sejauh ini kerana sebab-sebab masa dan kewangan.

Encik Johari menerangkan: "Oleh kerana para anggota jabatan ini bekerja secara sukarela, ini bermakna bahawa

kami hanya dapat menumpukan perhatian terhadap projek tersebut pada masa lapang saja".

Satu lagi sebab yang membuat kerja-kerja menyiapkan buku itu berjalan dengan agak lambat ialah kerana masalah kewangan untuk membiayai kajian.

Ini termasuk belanja ke Malaysia dan Indonesia yang dilakukan untuk mengumpulkan bahan-bahan.

Faktor yang ketiga yang diberikannya ialah kerana sebahagian daripada bahan dari kerabat-kerabat Persisi — yang berjumlah 18 semuanya — diterima oleh jabatan itu agak lambat. **-7 AUG 1987**

Menurut Encik Johari, antara kandungan yang akan dimuatkan dalam buku pertama ialah falsafah umum seni mempertahankan diri sejagat, jenis-jenis pencak silat, jenis-jenis senjata, hal-hal yang berhubung dengan gelanggang dan peralatannya, adat istiadat umum dalam persilatan, jenis-jenis pakaian, sistem perguruan dan pelajaran, sejarah ringkas pahlawan-pahlawan, unsur-unsur kebatinan, dan sebuah daftar rujukan.

Pesilat lapan perguruan

akan bertarung

SERAMAI 256 orang pesilat daripada lapan perguruan silat setempat akan bertarung hebat dalam Pesta Silat Kebangsaan anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi) di Dewan Sukan Bedok pada 29 dan 30 Ogos ini. **-7 AUG 1987**

Menurut Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, pertandingan seni silat peringkat kebangsaan itu adalah bagi merebut Piala Pusingan Persisi.

Ia juga diadakan sempena Pesta Sukan Singapura pada tahun ini.

Katanya, perguruan-perguruan seni silat yang akan mengambil bahagian terdiri daripada mereka yang berdaftar dengan Persisi.

Kumpulan-kumpulan terse-

but ialah Silat Alhak, Silat Seng Belalang, Silat Seligi Tunggal, Silat Pencak Sunda, Silat Panca Sakti, Silat Setia Bakti, Seni Silat Cekak dan Silat Setia-Hati. **-7 AUG 1987**

Pertandingan tersebut akan dibahagikan kepada lapan kumpulan mengikut peringkat umur, iaitu:

■ Tunas Pendekar (11 hing-

ga 14 tahun) — lelaki dan perempuan;

■ Seri Kandi Muda (12-17 tahun);

■ Seri Kandi (17-25 tahun);

■ Pendekar Muda (12-17 tahun)

■ Pendekar (17-25 tahun)

■ Permainan 'Massal' (senaman mengikut jurusan silat) — remaja dan dewasa.